

Inovasi Produk Bagi OKU Pekak Untuk Memahami Terminologi Agama Islam

(Product Innovation For Deaf To Understand Islamic Religious Terminologies)

Siti Ramna Khamaruddin^{1*}, Nurul Asiah Fasehah Muhamad¹, Norakyairee Mohd Raus¹

¹ Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia, Nilai, Malaysia

* Corresponding Author: amnamuhammad94@gmail.com

Accepted: 15 April 2023 | Published: 30 April 2023

DOI: <https://doi.org/10.55057/ijares.2023.5.1.25>

Abstrak: Bahasa isyarat merupakan bahasa visual yang digunakan sebagai medium komunikasi bagi OKU Pekak. Penggunaan bahasa isyarat memudahkan komunikasi dan memberi peluang kepada mereka untuk meluahkan rasa, pendapat, idea, perasaan dan sebagainya. Di Malaysia, Bahasa Isyarat Malaysia (BIM) merupakan bahasa ibunda bagi OKU Pekak yang telah diangkat sebagai bahasa rasmi dalam Akta OKU 2008. Bagaimanapun, perkembangan inovasi bagi OKU Pekak untuk memahami terminologi agama Islam jauh berbeza dengan inovasi terminologi agama Islam yang sedia ada. Meskipun demikian, pelbagai inovasi yang dijalankan bagi memberi peluang OKU Pekak untuk memahami terminologi agama. Justeru, artikel ini bertujuan menerangkan inovasi yang dibangunkan oleh pelbagai pihak termasuk pihak sekolah, badan persatuan bukan kerajaan, institusi pengajian dan institusi agama dalam menerangkan terminologi agama Islam kepada OKU Pekak dari 1998 sehingga 2022. Kajian ini dijalankan menggunakan pendekatan kualitatif melalui analisis dokumen terhadap cetakan buku isyarat dan aplikasi isyarat yang telah dibangunkan. Dapatan menunjukkan pelbagai inovasi yang dilakukan dalam membangunkan bahan bantu mengajar bagi mengisi kelompangan OKU Pekak untuk memahami terminologi agama. Perubahan inovasi boleh dilihat dari segi bentuk cetakan buku kepada bentuk mudah alih dengan berbantuan aplikasi. Diharapkan inovasi sebegini boleh dikembangkan kepada kepelbagaian bidang dalam agama Islam untuk memberi ruang dan peluang kepada OKU Pekak untuk mempelajari agama.

Kata kunci: Inovasi; OKU Pekak; Terminologi; Islam

Abstract: Sign language is a visual language used as a medium of communication for the Deaf. The use of sign language facilitates communication and gives them the opportunity to express their feelings, opinions, ideas, feelings and so on. In Malaysia, Malaysian Sign Language (MSL) is the native language for the Deaf which has been adopted as the official language in the Persons With Disabilities Act 2008. However, the development of innovations for deafness to understand the terminology of Islam is significantly different from the existing innovation of Islamic religious terminology. Nevertheless, various innovations were carried out to provide opportunities for the Deaf to understand religious terminology. Hence, this article aims to explain the innovations developed by various parties including schools, non-governmental associations, educational institutions and religious institutions in explaining the

terminology of Islam to the Deaf from 1998 to 2022. This study was conducted using a qualitative approach through document analysis of books and sign language applications that have been developed. The findings show various innovations developed for teaching aids to deaf to understand the terminology of Islam. The findings clearly show that there has been a change in the development of innovation, namely in terms of sign language books to sign language applications. The researchers hope that this innovation can be expanded to the diversity of fields in Islam to provide opportunities for deaf people to learn religion.

Keywords: Inovations; Deaf; Islamic Terminologies

1. Pengenalan

Bahasa isyarat merupakan bahasa visual yang digunakan oleh komuniti pekak untuk berkomunikasi. Penggunaan bahasa isyarat boleh juga digunakan oleh komuniti yang mempunyai masalah dalam bertutur dan komuniti yang tidak boleh mempelajari bahasa melalui pertuturan (Wilbur, 2013). Selain daripada memudahkan komunikasi, bahasa isyarat berperanan untuk meluahkan rasa, pendapat, idea, perasaan dan sebagainya. Keunikan bahasa isyarat bukan hanya melibatkan simbol tangan semata-mata, bahkan bahasa badan dan ekspresi muka yang betul memainkan peranan dalam memberi makna yang sebenar (Loughran, 2013). Di Malaysia, Bahasa Isyarat Malaysia (BIM) merupakan bahasa isyarat yang digunakan harian di kebanyakan tempat di Malaysia. BIM memiliki banyak loghat, berbeza antara negeri dengan negeri. BIM ialah bahasa yang tulen bagi orang pekak di Malaysia. BIM juga merupakan bahasa ibunda dan bahasa isyarat istimewa bagi orang pekak Malaysia (Sazali, 2004). Dalam Akta OKU 2008, telah dinyatakan bahawa BIM adalah bahasa rasmi bagi komuniti Pekak di Malaysia. BIM merupakan satu bahasa yang tidak mengikut tatabahasa dari mana-mana bahasa yang wujud di dunia ini. Ianya tidak mengikut struktur Bahasa Inggeris mahupun Bahasa Melayu. BIM mempunyai tatabahasanya yang tersendiri yang mana ianya lebih menjurus kepada apa yang boleh dilihat oleh orang pekak itu sendiri (Ho, 2009). Tidak dinafikan bahawa BIM ini tidak sesuai dalam proses pembelajaran dan pengajaran bahasa samada bahasa inggeris mahupun bahasa Melayu. Walaupun begitu penggunaan BIM amat berguna untuk memudahkan pemahaman orang pekak (Majudiri Y Foundation for the Deaf, 2006).

Sesetengah pertubuhan bukan kerajaan (NGO) di Malaysia seperti Persekutuan Orang Pekak Malaysia (MFD), Kelab Lions, institusi penyelidikan dan beberapa komuniti sukarelawan telah banyak menerbitkan buku mengenai BIM untuk kegunaan masyarakat pekak (Siew Ong, Salimah & Roziati, 2007). Bahasa isyarat melibatkan gerakan tangan dan ekspresi wajah, ilustrasi rajah bahasa isyarat di dalam buku yang mana tidak boleh 'benar-benar' menunjukkan urutan gerakan tangan. Oleh itu, beberapa projek komuniti yang dimulakan menggunakan media elektronik untuk membantu pengajaran dan pembelajaran BIM. Alat pengajaran dan pembelajaran elektronik ini termasuk pakej pembelajaran BIM yang terdapat dalam cakera padat video (VCD), cakera padat (CD) atau boleh diakses secara dalam talian dari Internet (Siew Ong et al., 2007).

Walau bagaimanapun, untuk memahami sesuatu perkara, ia mesti terlebih dahulu menghuraikan maksud perkara tersebut. Tanpa penjelasan makna yang jelas, untuk memahami sesuatu itu menjadi sukar dan boleh menimbulkan salah faham. Keadaan ini sama seperti proses pembelajaran bahasa baharu. Individu tersebut perlu memahami dan menguasai perbendaharaan kata dengan baik sebelum mengaplikasikan bahasa tersebut dengan betul. Oleh itu, kamus diperlukan dalam proses pembelajaran. Begitu juga dalam pembelajaran bahasa

isyarat, kajian Siew Ong et al. (2007) menegaskan kamus diperlukan untuk memahami maksud perkataan (isyarat) dan mengetahui sebutannya jika pelajar itu bukan orang pekak (sehingga 20 dB) atau yang mengalami ringan kehilangan pendengaran (20-45 dB). Situasi ini meliputi bagaimana komuniti pekak ingin mempelajari agama Islam. Kamus bahasa isyarat memainkan peranan yang sangat penting bagi mereka untuk mengenali dan memahami terminologi Islam. Tanpa pemahaman agama yang betul, pegangan akidah dan pengamalan ibadah akan menjadi terpesong (Muhammad Isa Selamat, 1998). Sebuah hadith yang diriwayatkan daripada Abu Musa R.A bahawa Rasulullah SAW telah bersabda:

مَثَلُ مَا بَعَثَنِي اللَّهُ بِهِ مِنَ الْهُدَى وَالْعِلْمِ كَمَثَلِ الْعَيْثِ الْكَثِيرِ أَصَابَ أَرْضًا فَكَانَ مِنْهَا نَقِيَّةٌ قَبِلَتْ الْمَاءَ فَأَنْبَتَتِ الْكَلَأَ وَالْعُشْبَ الْكَثِيرَ وَكَانَتْ مِنْهَا أَجَادِبُ أَمْسَكَتِ الْمَاءَ فَفَنَعَ اللَّهُ بِهَا النَّاسَ فَشَرِبُوا وَسَقَوْا وَزَرَعُوا وَأَصَابَتْ مِنْهَا طَائِفَةٌ أُخْرَى إِنَّمَا هِيَ قَيْعَانٌ لَا تُمْسِكُ مَاءً وَلَا تُنْبِتُ كَلَأً فَذَلِكَ مَثَلُ مَنْ قَفِيَ فِي دِينِ اللَّهِ وَنَفَعَهُ مَا بَعَثَنِي اللَّهُ بِهِ فَعَلِمَ وَعَلَّمَ وَمَثَلُ مَنْ لَمْ يَرْفَعْ بِذَلِكَ رَأْسًا وَلَمْ يَقْبَلْ هُدَى اللَّهِ الَّذِي أُرْسِلْتُ بِهِ

Maksudnya: “Bandingan petunjuk dan ilmu yang diutuskan kepadaku ialah seperti hujan yang menimpa bumi. Maka sebahagian daripada bumi itu ada tanah yang subur menyerap air lalu menumbuhkan rumput dan tanaman lain yang banyak. Dan terdapat sebahagian daripadanya tanah yang keras yang tidak menyerap tetapi menakung air. Allah SWT menjadikannya juga bermanfaat kepada manusia lalu mereka minum, memberi minum dan menyiram tanaman dengannya. Dan terdapat pula sebahagian daripadanya tanah yang keras dan rata yang tidak menakung air dan tidak menumbuhkan tanaman. Itulah bandingan orang yang memahami agama Allah SWT dan mengambil manfaat daripada ajaran yang diutuskan kepadaku lalu dia belajar dan mengajar. Dan juga bandingan orang yang tidak menghiraukan langsung (ilmu yang aku sampaikan itu) serta tidak mahu pula menerima petunjuk yang aku diutuskan membawanya.” (Hadīth. Ṣaḥīḥ al-Bukhārī. Kitāb al-ʿIlmi: Bāb Faḍli Man ʿAlima wa ʿAlama: Juz’1:#79) and (Hadīth. Ṣaḥīḥ Muslim. Kitāb al-Faḍā’il: Bāb Bayāni Mathali mā Bucitha bihin Nabī Ṣallallahu ʿAlaihi wa Sallam minal Hudā wal ʿIlmi: Juz’14:#2282).

Tambahan, tanpa penterjemahan yang betul, komuniti pekak tidak dapat memahami dan mengamalkannya dengan. Hadith yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah R.A, Nabi Muhammad SAW telah bersabda:

مَنْ يُرِدِ اللَّهُ بِهِ خَيْرًا يُفَقِّهْهُ فِي الدِّينِ

Maksudnya: “Siapa yang dikehendaki kebaikan yang banyak oleh Allah, nescaya akan difahamkan perihal agamanya.” (Hadīth. Ṣaḥīḥ al-Bukhārī. Kitāb al-ʿIlmi: Bāb Man Yuridillahu bihi Khayrān Yufaqqihu fid Dīn: Juz’1:#71) and (Hadīth. Ṣaḥīḥ Muslim. Kitāb Zakāt: Bāb Nahī canil Masā’il: Juz’ 2:#1037)

Oleh yang demikian, inovasi produk seperti alat bantu mengajar berbentuk cetakan mahupun mudah alih berkaitan dengan terminologi Islam dalam bahasa isyarat mampu memberi pendedahan awal untuk OKU pekak mengetahui terminologi Islam yang lazim digunakan dalam kehidupan seharian mereka. Hal ini kerana, komuniti ini sering ketinggalan dan terpaksa menghadapi pelbagai cabaran untuk mendapatkan akses pembelajaran ilmu agama Islam kerana kurang perhatian dan kesedaran daripada semua pihak disebabkan kecacatan pendengaran yang dialami.

2. Objektif kajian

Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti inovasi produk sama ada yang dibangunkan oleh pihak sekolah, badan persatuan bukan kerajaan, institusi pengajian atau institusi agama dalam menerangkan terminologi agama Islam kepada OKU Pekak dari 1998 sehingga 2022.

3. Metodologi Kajian

Kajian ini dijalankan menggunakan pendekatan kualitatif melalui analisis dokumen terhadap cetakan buku isyarat dan aplikasi bahasa isyarat yang telah dibangunkan. Pengkaji telah memilih enam (6) sampel iaitu Buku Bahasa Malaysia Kod Tangan (BMKT) Pendidikan Islam (1998); Buku Bahasa Isyarat Malaysia Jilid 1 (2000) dan Jilid 2 (2003); Buku Isyarat-Isyarat Islam (2004); Modul Fardhu 'Ain Orang Kelainan Upaya Pendengaran (MUFID-OKU) (2013); Bahasa Isyarat Malaysia Isyarat Islam (Edisi 2) (2014) dan Aplikasi Glosari Bahasa Isyarat Islam (i-Sign) (2022). Semua sampel ini dipilih kerana menghasilkan inovasi yang berkaitan dengan terminologi agama Islam kepada OKU Pekak.

4. BIM untuk terminologi Islam

Di Malaysia, Bahasa Isyarat Malaysia (BIM) digunakan sebagai bahasa isyarat harian. Asal usul BIM di Malaysia tidak diketahui dengan pasti, namun, perkembangan formal bahasa isyarat telah dikesan ketika Sekolah Kanak-kanak Pekak Persekutuan atau FDS didirikan pada tahun 1954. Lady Templer, isteri kepada Pesuruhjaya Tinggi Tanah Melayu yang memperoleh dapatan dari Dr. Field, seorang penyelidik Unit Pedetrik Universiti Hong Kong yang melakukan kajian mengenai orang pekak di Malaya pada tahun 1952. Dr. Field menemukan bahawa beberapa orang kanak-kanak pekak ditempatkan di Hospital Mental Tanjung Rambutan kerana tidak boleh bercakap dan mendengar (Syar Meeze, 2015; Majudiri Y Foundation for the Deaf, 2006). Dalam usaha untuk memenuhi keperluan pendidikan kanak-kanak pekak ini, beliau telah menubuhkan sekolah bagi memberikan ruang dan peluang pendidikan kepada mereka (Hasuria, 2009).

Walaupun kaedah oralisme diaplikasikan dalam proses pengajaran dan pembelajaran, kanak-kanak yang mengalami masalah pendengaran ini menghasilkan isyarat tangan yang tersendiri sebagai medium untuk menyampaikan maklumat. Disebabkan keperluan untuk berkomunikasi, kanak-kanak pekak ini memanfaatkan isyarat tangan secara meluas dalam kehidupan harian mereka di asrama. Selaras dengan peningkatan perbendaharaan kata isyarat, ini dapat menggalakkan perkembangan kemahiran komunikasi mereka (Hasuria, 2009).

Pada tahun 1960, Tan Yap telah pergi ke Amerika Syarikat dengan tujuan untuk mempelajari Bahasa Isyarat Amerika (ASL) dan mengetahui lebih mendalam mengenai budaya orang pekak di Kolej Gallaudet, Amerika. Beliau telah membawa pulang sebuah buku Bahasa Isyarat Amerika ke Malaysia sebelum penggunaan bahasa isyarat tersebut dimasukkan ke dalam sistem pendidikan orang pekak. Setelah pulang ke tanah air, beliau giat mempromosikan penggunaan bahasa isyarat dengan menubuhkan Persatuan Jurubahasa Isyarat untuk komuniti pekak di Selangor serta pusat perkhidmatan komuniti bagi orang pekak di Bukit Nenas, Kuala Lumpur. Beliau juga membentuk kelab sosial untuk meningkatkan pembangunan komuniti orang pekak. Perjuangan Tan Yap dalam memajukan bahasa isyarat dan meningkatkan kualiti hidup orang pekak selama lebih daripada 40 tahun telah memperoleh pengiktirafan sebagai bapa orang pekak di Malaysia (Majudiri Y Foundation for the Deaf, 2006).

Pada tahun 1976, kaedah Komunikasi Seluruh diperkenalkan bagi menggantikan kaedah oralisme (Majudiri Y Foundation for the Deaf, 2006). Ini disebabkan kebanyakan orang pekak gagal berkomunikasi secara lisan walaupun dengan bantuan dan latihan pakar (Saleena, 2004). Jelas beliau lagi, kaedah oralisme tidak memenuhi keperluan komunikasi bagi orang pekak semasa sesi pengajaran dan pembelajaran. Pada tahun yang sama, Profesor Frances Parsons dari Gallaudet College memperkenalkan kaedah Komunikasi Seluruh kepada Dato' Saleena Yahya Isa yang ketika itu menjadi pengetua Sekolah Kanak-kanak Pekak Persekutuan dan beliau telah menerima pendekatan ini. Kaedah Komunikasi Seluruh merupakan penggabungan pertuturan, gerakan bibir, isyarat tangan dan ejaan jari sebagai kaedah komunikasi.

Setelah itu, Bahasa Malaysia Kod Tangan (BMKT) (kemudian dikenali sebagai Kod Tangan Bahasa Melayu, (KTBM) mula diperkenalkan pada tahun 1978 hasil ciptaan Jawatankuasa Kerja Komunikasi Seluruh yang dipengerusikan oleh Prof. Asmah Haji Omar dan dianggotai oleh para pendidik kanak-kanak pekak. Menurut Asmah Haji Omar;

“BMKT diadakan menurut asas-asas tatabahasa dari prinsip-prinsip Bahasa Malaysia sebagaimana yang didengar, dituturkan, ditulis, dibaca dan difahami oleh pengguna-pengguna Bahasa Malaysia. Apabila BMKT ini diperturunkan ke dalam bahasa tulisan, tidak akan dapat terdapat apa-apa perbezaan dengan bahasa Malaysia sehari-hari dari segi nahu atau makna bahasa itu”

(Asmah Haji Omar, 1985)

Berdasarkan penjelasan diatas, KTMB mengikut sistem tatabahasa Melayu sepenuhnya mengikut konsep yang didukungnya. Modul-modul kod tangan yang telah diusahakan oleh guru-guru akhirnya diterbitkan pada tahun 1985 oleh Kementerian Pelajaran sebagai Bahasa Malaysia Kod Tangan Jilid 1. KTBM merupakan komponen dari komunikasi seluruh yang harus diucapkan serentak dengan ekspresi muka, gerakan bibir (bersuara) dan penggunaan ejaan jari bagi memperkenalkan istilah atau istilah yang tiada isyarat (Teh, 2009).

Walaupun KTBM telah dicipta, ia bukanlah sebuah bahasa, sebaliknya ia ialah kod tangan yang dicipta untuk membantu orang pekak mempelajari bahasa Melayu (Abdullah Yusoff et. al., 2009). Bagaimanapun, BIM masih digunakan sebagai medium komunikasi di kalangan orang pekak sehingga kini. BIM sering digunakan dalam sekolah untuk menerangkan makna kod tangan KTBM (Hasuria, 2009; Syar Meeze, 2015).

Dalam situasi OKU pekak memahami terminologi agama, terdapat pelbagai isu dan cabaran yang mereka hadapi. Masalah komunikasi merupakan masalah utama bagi komuniti pekak untuk mendapatkan hak mereka dalam memahami ilmu agama (Bahariah et al., 2021; Naimie et al., 2020; Izuli et al., 2020; Siti Ramna et al., 2018; Syar Meeze et al., 2017). Komuniti pekak cenderung kepada bahasa isyarat untuk memahami sesuatu ilmu secara mendalam disebabkan masalah pendengaran yang dialami (Zainy & Hizam, 2021; Siti Ramna et al., 2020; Azman et al., 2020; Nurul Asiah & Siti Ramna, 2019; Muhibah, 2017). Namun, disebabkan faktor bahasa, menjadikan komunikasi komuniti pekak dalam bidang ilmu menjadi terbatas (Peter et al., 2021; Shirin et al., 2020; Nik Hassan et al., 2016). Tambahan, komuniti pekak mempunyai pemerolehan kosa kata yang terhad (Izuli et al., 2020; Lund & Douglas, 2016; Syar Meeze, 2015; Ririn Linawati, 2012). Mereka sukar memahami bahasa yang mempunyai aras yang tinggi dan bahasa-bahasa yang lain seperti bahasa arab (Naimie et al., 2020; Muhammad Sayuti et al., 2020; Lund & Douglas, 2016, Syar Meeze et al., 2014; Ririn Linawati, 2012). Hal ini lebih memudaratkan apabila orang pekak mengambil pendekatan, untuk memahami sesuatu perkara hanya berdasarkan kepada apa yang mereka lihat tanpa mengetahui hakikat ataupun

sebab sesuatu itu terjadi (Majudiri Y Foundation for the Deaf, 2006). Hal ini selari dengan pandangan O'Brien dan Kusters (2017) yang menyatakan bahawa komuniti pekak ini menggunakan kekuatan visual mereka untuk memahami sesuatu. Hal ini menyebabkan mereka sukar untuk memahami perkara yang bersifat abstrak (Lianto, 2021; Izuli et al., 2020; Syar Meeze et al., 2017; Nik Hassan et al., 2016; Syar Meeze et al., 2014; Norziha, 2009) seperti syurga dan neraka. Tambahan, mereka juga cepat membuat persamaan terhadap sesuatu yang dilihat. Sebagai contoh, mereka menyamakan Allah dan Nabi Muhammad seperti Sultan dan permaisuri kerana selalu melihat gambar gantung kalimah Allah dan Muhammad sama seperti gambar gantung Sultan dan Permaisuri (Mohd Joremi; 2016). Selain itu, sikap komuniti pekak tidak mahu mengkaji juga menjadikan punca pemahaman agama yang sempurna tidak sampai kepada mereka (Adnan, 2017; Nik Hassan et al., 2016; Hamdi Ishak, 2010; Abdul Munir, 2009). Sikap mereka tidak ingin mengambil tahu kerana faktor usia meningkat tua menyebabkan pemahaman mengenai ilmu agama itu tidak bercambah. Selain itu, bahan bacaan yang mesra pekak di pasaran untuk komuniti pekak ini mendalami agama boleh dikatakan hampir tiada (Adnan, 2017; Mohd Huzairi, 2017; Mustafa et al., 2015).

Meniti semula isu ini secara tidak langsung boleh memberikan kesan negatif terhadap pemahaman orang pekak, terutamanya dalam memahami ilmu agama (Syar Meeze et al., 2017; Hamdi Ishak, 2016; Hamdi Ishak et al., 2010; Mohd Huzairi et al., 2010). Hal ini kerana, pemahaman yang tepat diperlukan dalam ilmu agama seperti yang dinyatakan dalam Quran dan Sunnah (Nurain et al., 2017). Oleh itu, terdapat keperluan untuk mengembangkan produk inovasi yang dapat membantu orang pekak mempelajari terminologi agama Islam dengan betul. Perkembangan inovasi produk BIM untuk terminologi agama Islam bermula dengan diperkenalkan secara umum melalui Buku Bahasa Isyarat Malaysia Jilid 1 dan Jilid 2 dalam bab agama. Kedua-dua buku ini merupakan rujukan utama buku bahasa isyarat bagi komuniti pekak ketika itu kerana terminologi yang diperkenalkan merangkumi keperluan asas seharian mereka. Terdapat tiga puluh (30) terminologi Islam di dalam kedua-dua buku tersebut. Namun begitu, buku ini hanya bertindak sebagai kamus yang ringkas yang hanya mempunyai ejaan terminologi, gambar rajah isyarat, cara pergerakan isyarat dan contoh ayat tanpa penerangan maksud terminologi tersebut (Buku Bahasa Isyarat Malaysia; 2011 dan Buku Bahasa Isyarat Malaysia Jilid 2; 2014). Rentetan daripada itu, inovasi produk BIM untuk terminologi Islam terus berkembang dengan mencetak sebuah buku bahasa isyarat pada tahun 2014 dengan lebih memfokuskan terminologi Islam sahaja (Persekutuan Orang Pekak Malaysia, 2014). Penerbitan buku ini terdapat penambahbaikan dari segi penerangan maksud terminologi yang disediakan dalam bentuk ayat. Seterusnya, pada tahun 2021 terdapat lagi penambahbaikan dengan cetakan kedua Buku Bahasa Isyarat Malaysia Isyarat Islam dengan penambahan kosa kata dalam isyarat dan ilustrasi gambar rajah isyarat yang lebih formal dengan menggunakan figura orang pekak sebagai model (Buku Bahasa Isyarat Malaysia Isyarat Islam, 2021). Pada tahun 2022, inovasi produk BIM bagi terminologi Islam ini berkembang ke arah bercirikan Revolusi Perindustrian Keempat (4IR) dengan membangunkan aplikasi glosari Bahasa Isyarat Islam (i-Sign). Aplikasi yang merangkumi akidah, syariah dan akhlak ini dilengkapi dengan video jurubahasa isyarat bagi terminologi Islam dan penerangannya. Berdasarkan penambahbaikan inovasi produk BIM yang dilakukan menunjukkan perkembangan yang positif. Hal ini memperlihatkan akan kepentingan komuniti pekak untuk mempelajari terminologi Islam. Tegas Imam al-Ghazali (1993) dan Heizal Henry (2012) mengatakan bahawa memahami sesuatu ilmu agama amatlah penting sebelum mengamalkannya. Dengan pemahaman yang betul dan jelas akan memberi kesan yang baik terhadap sikap dan cara hidup seseorang Muslim.

5. Inovasi produk bagi istilah Islam dalam BIM


Hasil daripada analisis dokumen yang dilakukan terhadap cetakan buku isyarat dan aplikasi mudah alih yang telah dibangunkan. Terdapat enam inovasi produk berkaitan dengan terminologi agama Islam untuk keperluan OKU Pekak. Berikut adalah inovasi produk yang dibangunkan;

Jadual 1: Produk Inovasi berkaitan dengan terminologi agama Islam

Bil.	Produk	Penerbitan
1	Buku Bahasa Malaysia Kod Tangan (BMKT) Pendidikan Islam (1998)	Bahagian Pendidikan Islam Kuala Lumpur, Kementerian Pendidikan Malaysia
2	Buku Bahasa Isyarat Malaysia Jilid 1 (2000) dan Jilid 2 (2003)	Persekutuan Orang Pekak Malaysia (MFD)
3	Buku Isyarat-Isyarat Islam (2004)	Persekutuan Orang Pekak Malaysia (MFD)
4	Modul Fardhu 'Ain Orang Kelainan Upaya Pendengaran (MUFID-OKU) (2013)	Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)
5	Bahasa Isyarat Malaysia Isyarat Islam (Edisi 2) (2014)	Persatuan Orang Pekak Islam Malaysia (PRISMA)
6	Aplikasi Glosari Bahasa Isyarat Islam (i-Sign) (2022)	Jabatan Kemajuan Islam Malaysia

5.1 Buku Bahasa Malaysia Kod Tangan (BMKT) Pendidikan Islam

Dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam bagi murid pekak, sebuah Jawatankuasa Kecil Penggubalan dan Penyemakan Bahasa Malaysia Kod Tangan (BMKT) Pendidikan Islam ditubuhkan bagi menghasilkan buku Bahasa Malaysia Kod Tangan (BMKT) Pendidikan Islam pada tahun 1988. Buku ini mempunyai kod tangan yang sangat banyak merangkumi kehidupan seharian sebagai seorang Muslim. Walaubagaimanapun, buku ini didapati tidak disusun mengikut bab dan tidak mempunyai maksud istilah yang disediakan.




Rajah 1: Buku Bahasa Malaysia Kod Tangan (BMKT) Pendidikan Islam: 1988


5.2 Buku Bahasa Isyarat Malaysia Jilid 1 dan Jilid 2

Sementara KTBM diperkenalkan, komuniti pekak tetap menggunakan isyarat mengikut cara mereka sendiri. Banyak sekolah untuk murid pekak di setiap negeri dan persatuan-persatuan orang pekak juga giat ditubuhkan. Dengan penubuhan Persekutuan Orang Pekak Malaysia atau Malaysian Federation of the Deaf (MFD), kelihatan semakin hari pembangunan kesedaran dan kemajuan komuniti pekak semakin bertambah. Pada tahun 2000, Bahasa Isyarat Malaysia (BIM) telah dibukukan hasil daripada usaha Persekutuan Orang Pekak Malaysia dalam Buku Bahasa Isyarat Malaysia, kemudian Jilid 2 pada tahun 2003. BIM telah diiktiraf sebagai bahasa rasmi orang pekak di Malaysia dan kemudiannya diiktiraf oleh Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia dan Akta Orang

Kurang Upaya 2008 atau Akta 685 (Hasuria, 2009). Melalui kedua-dua buku ini, terdapat istilah-istilah agama yang telah diperkenalkan mengikut kelaziman kehidupan mereka dan sebagai pengetahuan asas kepada komuniti pekak. Istilah-istilah agama ini diperkenalkan dalam bab yang khusus yang merujuk kepada agama yang umum seperti agama yang berkaitan dengan Islam, Kristian, Buddha dan Hindu. Buku ini mempunyai istilah bahasa Melayu dan Inggeris, ilustrasi gambar isyarat, panduan untuk mengisyratkannya dan contoh ayat. Namun begitu, buku ini tidak dilengkapi dengan panduan makna dalam menerangkan maksud istilah yang telah dibangunkan.




Rajah 2: Buku Bahasa Isyarat Malaysia, Cetakan kedua: 2000



Rajah 3: Buku Bahasa Isyarat Malaysia Jilid 2, Cetakan kedua: 2003

5.4 Modul Fardhu ‘Ain Orang Kelainan Upaya Pendengaran (MUFID-OKU)


Selain daripada persatuan orang pekak, kesedaran tentang kepentingan agama kepada komuniti pekak ini semakin lama semakin meluas. Terdapat institusi pengajian dengan kerjasama persatuan orang pekak menghasilkan modul-modul agama untuk komuniti ini. Seperti contoh, Modul Asas Fardhu Ain untuk Orang Kelainan Upaya Pendengaran dihasilkan oleh Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) di bawah Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan. Dalam modul ini terdapat enam tajuk yang berkaitan dengan perkara-perkara asas Fardhu Ain yang merangkumi rukun-rukun iman, taharah, wuduk, doa, puasa, zakat dan haji.



Rajah 4: Modul Fardhu ‘Ain Orang Kelainan Upaya Pendengaran, 2013

5.3 Buku Isyarat-Isyarat Islam

Bahasa Isyarat Malaysia yang khusus tentang terminologi Islam mula diperkenalkan pada tahun 2014 dengan penerbitan Buku Isyarat-isyarat Islam terbitan daripada Persekutuan Orang Pekak Malaysia (Persekutuan Orang Pekak Malaysia, 2014). Hal ini demikian kerana melihat kesungguhan dan minat orang pekak Islam untuk mempelajari agama dan juga memenuhi tanggungjawab sebagai seorang Muslim. Dalam usaha menerbitkan buku ini, Persekutuan Orang Pekak Malaysia telah pergi ke Arab Saudi untuk mengumpul dan mengkaji tentang bahasa isyarat disana sebagai rujukan. Menurut Mohd Sazali Shaari, presiden Persekutuan Orang Pekak Malaysia, pada 10 November 2013 beliau dan dua orang Persatuan Orang Pekak Islam Malaysia (PRISMA) telah diundang untuk menghadiri Forum OKU Pekak Muslim diperingkat antarabangsa di Doha, Qatar. Hasil daripada itu, beliau telah dihadiahkan *al-Kamus al-Isyari Lil Sum* terbitan daripada Persatuan Orang Pekak Qatar. Menurutnya, buku Isyarat-isyarat Islam ini hasil daripada kombinasi isyarat yang telah diambil daripada kamus tersebut dan isyarat tempatan yang sedia ada (Persekutuan Orang Pekak Malaysia, 2014).



Rajah 5: Buku Isyarat-Isyarat Islam: 2014

5.5 Buku Bahasa Isyarat Malaysia Isyarat Islam (Edisi 2)

Pada tahun 2021, Persatuan Orang Pekak Islam Malaysia (PRISMA) dengan kerjasama Persekutuan Orang Pekak Malaysia (MFD) menerbitkan Buku Bahasa Isyarat Malaysia Isyarat Islam (Edisi 2) dengan menambahkan kosa isyarat Islam yang baharu berbanding dengan Buku Isyarat-isyarat Islam pada terbitan edisi yang pertama. Dalam buku ini mempunyai 478 terminologi yang merangkumi tujuh bab utama seperti akidah, ibadah, akhlak, dakwah, budaya dan sosial, sejarah dan perundangan Islam. Setiap terminologi yang dibangunkan dilengkapi dengan terminologi agama, gambar model orang isyarat terminologi dan penerangan terminologi secara bertulis.



Rajah 6: Buku Bahasa Isyarat Malaysia Isyarat Islam, 2021

5.6 Aplikasi Glosari Bahasa Isyarat Islam (i-Sign)

Selari dengan arus teknologi dalam pendidikan, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) melalui Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) melalui Pusat Penyelidikan Ibnu Maktum (UMMI), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) melalui Fakulti Pendidikan dan Badan Bukan Kerajaan (NGO) Orang Kurang Upaya (OKU) melalui Yayasan Pendidikan al-Quran bagi Anak Istimewa (Yayasan FAQEH), Persatuan Orang Pekak Negeri Sembilan (NESDA), Persatuan Kebajikan OKU Pendengaran Kawasan Seputeh (PKOPKS), Persatuan Orang Pekak Islam Malaysia (PRISMA), Persatuan Bahasa Isyarat Malaysia dan Pengajian Pekak (MyBIM), Persekutuan Orang Pekak Malaysia (MFD) dan Persatuan Orang Pekak Selangor (POPS) bekerjasama membangunkan aplikasi mudah alih iaitu Aplikasi i-Sign yang dilengkapi dengan video isyarat terminologi agama Islam dan video isyarat penerangan terminologi tersebut.

Aplikasi ini merangkumi tiga tunjang agama Islam iaitu akidah, syariah dan akhlak yang berbantuan video jurubahasa isyarat dalam menerangkan terminologi dan huraian makna terminologi agama tersebut. Pembangunan ini merupakan hasil kesepakatan pakar melalui beberapa bengkel pembangunan dan pengesahan bahasa isyarat yang diadakan dan dihadiri oleh barisan pakar yang terdiri daripada panel pakar bidang, panel penilai (Bahagian Pendidikan Khas), Mushi Dewan, Panel Pakar JAKIM dan Panel Pakar OKU Pekak. Pembangunan asal aplikasi ini bermula dengan dibiayai oleh geran kerjasama (Matching Grant) USIM bersama NESDA, kemudian mendapat dana khas daripada sumbangan oleh Lembaga Zakat Selangor.

Aplikasi ini telah dilancarkan pada 29 Ogos 2022 oleh YB Datuk Ahmad Marzuk Shaary, Timbalan Menteri di JPM (Hal Ehwal Agama) sempena dengan Perasmian Konvensyen Latihan Islam Peringkat Kebangsaan. Sebelum aplikasi ini dinaiktaraf pernah berjaya meraih pingat emas dan anugerah khas Ibnu Ummi Maktum tajaan Yayasan FAQEH di Ekspo Inovasi Islam (i-INOVA) 2018 dan meraih pingat perak dalam Pameran Rekacipta, Inovasi dan Teknologi Antarabangsa 2018 (ITEX) di Kuala Lumpur pada 10-12 Mei 2018.



Rajah 7: Aplikasi Glosari Bahasa Isyarat Islam (i-Sign), 2022

6. Perbincangan

Menurut Imam Ghazali (1993) dan Haizal Henry (2012), dalam mempelajari bidang agama sangat penting untuk mendapatkan kefahaman yang tepat terhadap makna terminologi bidang agama tersebut. Hal ini kerana, dengan kefahaman tersebut dapat mampu menghasilkan kesan yang baik ke dalam diri dan membawa diri manusia semakin kenal dengan Penciptanya. Pemahaman ini juga wajar diperolehi oleh orang pekak Islam (Izuli et al., 2020; Siti Ramna et al., 2022; Azman et al., 2020; Nurul Asiah & Siti Ramna, 2019).

Berdasarkan dapatan kajian, usaha untuk memperkenalkan terminologi agama kepada OKU Pekak bermula pada tahun 1998 dengan membangunkan Bahasa Malaysia Kod Tangan (BMKT) Pendidikan Islam untuk kegunaan semasa proses pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam di sekolah. Namun begitu, terminologi agama yang dibangunkan lebih memfokuskan cara untuk mengisyaratkan berbanding dengan menghuraikan maksud terminologi tersebut. Dalam masa yang sama, gambar rajah yang dihasilkan kurang menarik sedangkan dalam kajian Aidah Alias et al., (2016) telah membuktikan bahawa pelajar cacat pendengaran lebih cenderung dan berminat kepada pembelajaran secara visual dengan menggunakan imej visual interaktif serta imej-imej pegun dan visual bergerak kerana ia merupakan cara yang paling berkesan dan bertindak sebagai saluran komunikasi yang paling mudah difahami oleh kanak-kanak cacat pendengaran.

Selain itu, badan bukan kerajaan (NGO) yang terdiri daripada persatuan orang pekak bermula dengan persekutuan mahupun negeri giat ditubuhkan dan usaha untuk membangunkan bahasa isyarat semakin berkembang. Mereka mula bergerak aktif melalui Persekutuan Orang Pekak Malaysia (MFD) dengan menerbitkan kamus bahasa isyarat tentang terminologi yang digunakan dalam kehidupan seharian iaitu Buku Bahasa Isyarat Malaysia Jilid 1 dan 2. Melalui usaha tersebut, terdapat beberapa terminologi agama umum yang dibangunkan seperti terminologi Islam, Kristian, Buddha dan Hindu. Buku ini juga dilengkapi dengan ejaan terminologi agama dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris, ilustrasi gambar isyarat,

panduan untuk isyarat dan contoh ayat. Namun begitu, kedua-dua buku ini tidak dilengkapi dengan panduan makna dalam menerangkan maksud terminologi agama yang telah dibangunkan. Sedangkan dalam kajian Siew Ong et al., (2007) menegaskan dalam pembelajaran bahasa isyarat selain daripada seseorang itu mengetahui pergerakan isyarat terminologi tersebut, mereka juga perlu memahami maksud terminologi dan mengetahui sebutannya jika mereka bukan pekak (sehingga 20 db) atau yang mengalami kehilangan pendengaran yang ringan (20-45 dB).

Rentetan daripada itu, komuniti pekak semakin maju dengan menjadikan komuniti pekak di luar negara seperti Arab Saudi sebagai rujukan. Mereka sentiasa menghadiri forum diperingkat antarabangsa yang mengumpulkan komuniti pekak Muslim di serata dunia. Hasil daripada itu, MFD mula menerbitkan buku isyarat-isyarat Islam pada tahun 2014. Buku ini hasil daripada kombinasi isyarat yang telah diambil daripada *al-Kamus al-Isyari Lil Sum* terbitan daripada Persatuan Orang Pekak Qatar dan isyarat tempatan yang sedia ada (Persekutuan Orang Pekak Malaysia, 2014). Dalam kamus ini dilengkapi dengan ejaan terminologi dalam Bahasa Melayu, ilustrasi gambar isyarat dan huraian makna terminologi dalam berbentuk ayat. Walaubagaimanapun, terdapat keperluan untuk penambahbaikan terhadap isyarat yang kurang sesuai dengan budaya dan cara hidup OKU Pekak di Malaysia kerana dipengaruhi dengan budaya OKU Pekak Arab Saudi (Syar Meeze, 2015). Tambahan, setiap negara mempunyai bahasa isyarat sendiri yang berbeza simbol dan pergerakan tangan mengikut keadaan, budaya dan kepercayaan masing-masing (Siti Ramna, 2022). Manakala, dari segi ilustrasi gambar isyarat, gambar yang menggunakan orang sebagai model untuk mengisyaratkan terminologi tersebut lebih jelas dan menarik seperti Buku Bahasa Isyarat Malaysia Isyarat Islam Edisi 2 berbanding dengan Buku Isyarat-isyarat Islam yang menggunakan gambar lukisan sebagai model.

Selain daripada persatuan orang pekak, kesedaran tentang kepentingan agama kepada komuniti pekak ini semakin lama semakin meluas. Terdapat institusi pengajian yang menjalinkan kerjasama dengan persatuan orang pekak untuk menghasilkan modul-modul agama untuk komuniti ini. Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Universiti Sains Islam Malaysia, USIM dengan kerjasama oleh Persatuan Orang Pekak Negeri Sembilan (NESDA) menghasilkan modul asas yang berkaitan dengan fardhu ain kepada OKU Pekak. Modul ini dilengkapi dengan penerangan yang asas bagi setiap pecahan bab. Terdapat ilustrasi gambar isyarat mengikut setiap patah perkataan berdasarkan penerangan yang diberikan. Namun begitu, terdapat beberapa kekeliruan dari segi arah isyarat dan latar belakang jurubahasa isyarat yang tidak formal (Siti Ramna, 2022). Menurut kajian (Pusat Majudiri Y, 2006), seorang jurubahasa isyarat perlu berlatarbelakangkan kosong dan berpakaian formal gelap supaya perhatian orang pekak lebih terfokus. Hal ini sama seperti paparan dalam Aplikasi i-Sign yang menunjukkan jurubahasa isyarat bagi terminologi dan huraian terminologi tersebut berpakaian formal dan berlatarbelakangkan kosong. Selain itu juga, pembelajaran OKU Pekak sebenarnya lebih tertarik kepada sesuatu yang berbentuk interaktif berbanding dengan bahan cetakan seperti buku. Menurut Aidah Alias et al., (2016) dan Siti Ramna (2022), pembangunan bahan bantu mengajar yang berbentuk aplikasi mudah alih lebih menarik minat OKU Pekak dan berkesan sebagai saluran komunikasi yang paling mudah untuk difahami dengan bantuan visual bergerak seperti video jurubahasa isyarat dan imej visual interaktif. Oleh yang demikian, inovasi produk yang lebih memberi kesan dan mudah untuk difahami bagi OKU Pekak adalah menyediakan paparan video bahasa isyarat. Hal ini bertepatan dengan kajian Aidah Alias et al., (2016) dengan mencadangkan model pengajaran dan pembelajaran pelajar cacat pendengaran perlu mengandungi elemen seperti berikut;



Rajah 8: Model pengajaran dan pembelajaran pelajar cacat pendengaran

Model ini merupakan cara yang paling berkesan dan bertindak sebagai saluran komunikasi yang paling mudah dan mudah difahami oleh kanak-kanak cacat pendengaran. Oleh yang demikian, pihak sekolah, badan persatuan bukan kerajaan, institusi pengajian dan institusi agama perlu menitikberatkan elemen imej interaktif (video), imej visual pegun, bahasa isyarat, teks dan penterjemahan dalam menghasilkan inovasi produk terjemahan bahasa isyarat Islam. Selain itu, huraian terminologi yang diterangkan perlu menggunakan bahasa yang rendah kerana menurut (Naimei et al., 2020; Muhammad Sayuti et.al, 2020; Lund & Dauglas, 2016, Syar Meeze et al., 2014; Ririn Linawati, 2012) OKU Pekak sukar memahami bahasa yang mempunyai aras yang tinggi dan bahasa-bahasa yang lain seperti bahasa Arab. Tambahan, mereka mempunyai pemerolehan bahasa kata yang terhad (Izuli et al., 2020). Huraian terminologi yang disediakan perlu mengikut kepada tatabahasa bahasa isyarat sendiri dan bukan mengikut tatabahasa Bahasa Melayu. Hal ini kerana bahasa isyarat memiliki tatabahasa yang tersendiri dan amat mudah bagi OKU Pekak faham secara langsung.

Dalam perkembangan inovasi produk yang berkaitan dengan terjemahan terminologi agama, telah membawa kepada pembangunan model pembentukan Bahasa Isyarat Malaysia (BIM) Islam untuk menjaga kesucian agama Islam bagi setiap terminologi agama yang dibangunkan. Malahan, terminologi yang dibangunkan perlu melalui prosedur yang tertentu bagi memastikan terminologi dan huraian yang dihasilkan bertepatan dengan sumber utama iaitu Quran dan Sunnah. Model ini telah mendapat kelulusan Panel Pakar Syariah kali ke-104 yang bersidang pada 26 November 2020 [JAKIM (S) BP.600- 1/5/20 JLD 2 (21)]. Garis panduan ini dibangunkan bertujuan untuk memenuhi keperluan komuniti Orang Kurang Upaya (OKU) Pendengaran Muslim di Malaysia dalam memahami istilah-istilah Islam dengan meraikan ketidakupayaan, tahap kefahaman dan budaya komuniti istimewa ini.

Usaha ke arah membangunkan inovasi produk kepada komuniti OKU Pekak merupakan tuntutan Fardhu Kifayah dalam menawarkan perkhidmatan dan mengembalikan hak dan akses pengajian agama Islam kepada komuniti istimewa ini. Hal ini secara tidak langsung mengembalikan pengiktirafan Allah terhadap kemuliaan kedudukan Anak Adam A.S (Karamah Insaniyyah) sebagaimana jelas disebut dalam surah al-Isra’;

﴿وَلَقَدْ كَرَّمْنَا بَنِي آدَمَ وَحَمَلْنَاهُمْ فِي الْبَرِّ وَالْبَحْرِ وَرَزَقْنَاهُمْ مِنَ الطَّيِّبَاتِ وَفَضَّلْنَاهُمْ عَلَى كَثِيرٍ

مِمَّنْ خَلَقْنَا تَفْضِيلًا﴾

Maksudnya: Dan sesungguhnya Kami telah memuliakan anak-anak Adam; dan Kami telah beri mereka menggunakan berbagai-bagai kenderaan di darat dan di laut; dan Kami telah memberikan rezeki kepada mereka dari benda-benda yang baik-baik serta Kami telah lebihkan mereka dengan selebih-lebihnya atas banyak makhluk-makhluk yang telah Kami ciptakan. (Al-Qur'ān. Al-Isra' 17:70)

Oleh yang demikian, keperluan kajian terhadap pecahan bidang agama yang lain sangat diperlukan bagi mengisi kelompangan beragama supaya ruang dan peluang untuk komuniti OKU Pekak untuk mempelajari ilmu agama tidak diabaikan. Dengan adanya pengetahuan bahasa dan pemahaman agama yang betul akan melahirkan kesempurnaan amal seperti mana yang dikatakan oleh Imam al-Ghazali (1980). Dan amalan yang betul akan memberi kesan yang baik terhadap sikap dan cara hidup seseorang. Diharapkan inovasi ini dapat menjadi jambatan ilmu kepada OKU Pekak ke arah menjadi seorang Muslim yang lebih baik.

7. Penutup

Kekurangan isyarat bagi terminologi Islam dalam Bahasa Isyarat Malaysia (BIM) antara faktor yang mengekang komuniti pekak untuk memahami dan mempraktikkan konsep indahnyanya hidup beragama. Hasil dapatan membuktikan inovasi produk bagi OKU Pekak memahami terminologi Islam semakin berkembang. Perkembangan ini bermula dengan pembangunan Buku Bahasa Malaysia Kod Tangan (BMKT) Pendidikan Islam (1998), Buku Bahasa Isyarat Malaysia Jilid 1 (2000) dan Jilid 2 (2003), Buku Isyarat-Isyarat Islam (2004), Modul Fardhu 'Ain Orang Kelainan Upaya Pendengaran (MUFID-OKU) (2013), Bahasa Isyarat Malaysia Isyarat Islam (Edisi 2) (2014) dan Aplikasi Glosari Bahasa Isyarat Islam (i-Sign) (2022). Implikasi kajian ini bukan hanya membantu OKU Pekak memahami terminologi Islam, bahkan membantu jurubahasa isyarat dalam menghuraikan terminologi tersebut. Dalam konteks Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), inovasi ini menyokong konsep "Pendidikan untuk Semua" yang memberi ruang dan peluang kepada murid berkeperluan khas (MBK) Pendengaran dalam memahami terminologi agama dengan menyediakan inovasi produk untuk kegunaan guru-guru yang mengajar Pendidikan Islam dalam membantu menerangkan terminologi agama. Beberapa cadangan dikemukakan kepada pengkaji akan datang, agar kajian yang berkaitan dengan inovasi produk terminologi agama Islam dikembangkan kepada cabang bidang Islam yang lain. Kerjasama daripada pihak persatuan pekak dan pihak agama yang berautoriti amat diperlukan bagi menjaga kesucian agama Islam dalam membangunkan terminologi. Selain itu, pembangunan jurubahasa isyarat Malaysia (JBIM) dalam bidang agama Islam juga menjadi satu tuntutan dalam isu ini. Peranan JBIM yang mahir dalam bidang agama memainkan peranan penting sebagai jambatan bagi orang pekak untuk memperoleh ilmu.

Penghargaan

Pengkaji ingin mengucapkan jutaan terima dan sekalung penghargaan kepada Pusat Penyelidikan Ibnu Umami Maktum, Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia kerana memberi ruang dan peluang bagi menjalankan kajian ini.

Rujukan

Al-Qur'ān

- Abdul Munir Ismail. 2009. Dakwah kepada Orang Pekak di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Kuala Lumpur: Tesis Doktor Falsafah, Universiti Malaya
- Adnan Mohamed Yusoff, Hj. Norakyairee Hj. Mohd Raus & Desi Suryani Bakhsan Basri. 2017. Khidmat Qur'ān Dan Sunnah Bagi OKU: Pengalaman USIM. *Journal of Qur'ān Sunnah Education and Special Needs*, 1(1), 1-16.
- Akta Orang Kurang Upaya. 2008.
- Al-Bukhārī, M. I. n.d. Ṣaḥīḥ al-Bukhārī. Vol. 1-6. Bayrūt: °Ālam al-Kutub.
- Al-Ghazali. 1980. Ihya Ulumuddin. Terj. Ismail Yakub. Indonesia: Penerbit Asli.
- Al-Ghazali, I. A. H. M. 1993. Ihya' Ulumuddin. Fazl Ul Karim (trans.). Karachi: Darul Ishaat.
- Bahariah Ab Rahman, Azmil Hashim & Hamdi Ishak. 2021. Medium Komunikasi Guru Pendidikan Islam Dalam Pengajaran Dan Pemudahcaraan Tilawah AlQur'ān Program Pendidikan Khas Integrasi (Ketidakupayaan Pendengaran). *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 6 (38), 110-125.
- Hamdi Ishak, Rosadah Abdul Majid, Ab Halim Tamuri & Safani Bari. 2010. Amalan Pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam kepada murid sekolah kebangsaan pendidikan khas masalah pendengaran: satu kajian kes. *Prosiding Seminar Penyelidikan Siswazah UKM*. 1(4),163 – 171. Bangi: UKM.
- Hamdi Ishak. 2016. Methods of Teaching al-Qur'ān to The Hearing Disability Children. *Tinta Artikulasi Membina Ummah*, 2 (1), 33-39.
- Hasuria, C. 2009. *Penterjemahan dan Bahasa Isyarat*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara Malaysia Berhad.
- Hayatunnufus Ahmad, Norziha Megat Mohd. Zainuddin, Rosmah Ali, Nurazean Maarop, Rasimah Che Mohd Yusoff & Wan Azlan Wan Hassan. Augmented reality to memorize al-Qur'ān for hearing impaired students: a preliminary analysis. *J. Fundam. Appl. Sci.*, 2018. 10(2S), 91-102.
- Heizal Hezry Omar. 2012. Tafsir Ayat-ayat Ramadhan. Batu Caves: PTS Darul Furqan Sdn Bhd.
- Ho, K. W. 2004. Syntax in Malaysian Sign Language. Master in Linguistic. Gallaudet University.
- Ho, K. W. 2009. Bahasa Isyarat Malaysia: Satu Pendekatan Linguistik. In H. Che Omar, R. Awang, S. Z. A. Syed Jamaluddin, & N. Mohamed (Eds.), *Bahasa Verbal dan Bukan Verbal I* (1st ed., Vol. 1, pp. 169–184). Institut Terjemahan Negara Malaysia.
- Ibn al-Hajjaj, Muslim. 1998. Sahih Muslim, ed. Abu Suhaib al-Karami. (Riyadh: Bayt al-Afkar al-Dawliyyah li al-Nashr wa al-Tawzi'.
- Izuli Dzulkifli, Asmawati Suhid, Fathiyah Mohd Fakhrudin & Nor Aniza Ahmad. 2020. Cabaran Komunikasi dalam Pengajaran Pendidikan Islam kepada Murid Kurang Upaya Pendengaran. *International Journal of Islamic Thought*, 18, 13-26.
- LiantoBuliali, J. 2021. Innovative learning model with augmented reality technology for deaf students. *Ilkogretim Online*, 20(1).
- Linawati, R. 2012. Penerapan Metode Mathernal Reflektif dalam Pembelajaran Berbahasa pada Anak Tunarungu di Kelas Persiapan Slb Negeri Semarang. *Indonesian Journal of Early Childhood Education Studies*, 1.
- Loughran, S. 2013. Cultural Identity, Deafness and Sign Language: A postcolonial approach. *LUX: A Journal of Transdisciplinary Writing and Research form Claremont Graduate University*, 2(1), 1-8.

- Lund, E., & Douglas, W. M. 2016. Teaching Vocabulary to Preschool Children With Hearing Loss. *Exceptional Children*, 83(1), 26–41. <https://doi.org/10.1177/0014402916651848>
- Majudiri Y Foundation for the Deaf. 2006. *Understanding Deaf Culture: Malaysian Perspectives*. Kuala Lumpur.
- Mohd Huzairi, Awang @ Husain. 2017. *Penghayatan Fardu Ain remaja pekak di Malaysia*. PhD thesis, University of Malaya.
- Mohd Huzairi Awang, Hajaratul Bahti Zakaria, Bani Hidayat Mohd Shafie, Nor Hayati Fatmi Talib & Nabiroh Kassim. 2010. Persepsi pelajar bermasalah pendengaran terhadap pembelajaran fardhu ain: Cabaran terhadap guru. *Proceedings of the 4th International Conference on teacher Education: Join Conference UPI & UPSI*. 240 – 250.
- Mohd Joremi bin Abd Manaf . 2016. “Pemahaman Orang Pekak dalam Agama”. Interview. 20 March 2016.
- Mohamed Sazali Shaari. (2004, Ogos 13). *Budaya orang Pekak*. Kertas persidangan keluarga Pekak bahagia. Hotel Crown Princess. Kuala Lumpur.
- Muhammad Isa Selamat. 1998. *Murtad, Kesan dan Kisah Mengenainya*. Kuala Lumpur: terbitan Darul Nu'man.
- Muhammad Sayuti Sabdan, Norlidah Alias, Mohd Yakub @ Zulkifli Mohd Yusof, Nazean Jomhari, Nor 'Aziah Mohd Daud & Noor Fadilah Md Aslie. 2016. Tinjauan Pelaksanaan Pendidikan al-Qur'an Bagi Golongan Pekak Di Malaysia. *Al-Turath Journal of Al-Qur'an and Al-Sunnah*, 1(2), 43-51.
- Muhammad Sayuti Bin Sabdan, Norlidah Alias, Mohd Yakub @ Zulkifli Mohd Yusof & Nazean Jomhari. 2020. Keperluan Pembangunan Modul Pedagogi Sūrah Al-Fatihah dan Tiga Qul Berasaskan Teknologi Untuk Pelajar Pekak di Kolej Vokasional. *JuKu: Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 8(2), 13-26.
- Mustafa Che Omar, Nik Hassan Seman, Abdullah Yusof & Abdul Hakim Abdullah. 2015. Kesukaran Mengajar dan Belajar Al-Qur'an dalam Kalangan Pelajar Pekak: Isu dan Cabaran Guru Pendidikan Islam. In: *International Seminar on al-Qur'an in Contemporary Society*, 10 - 11 October 2015, Universiti Sultan Zainal Abidin, Kuala Terengganu, Malaysia
- Naimie Mohd Nawawi, Mohd Khairul Amri Kamarudin, Fuad Mohd Jali & Mohd Syaiful Nizam Abu Hassan. 2020. Penilaian Analisis Keperluan kepada Penggunaan Bahasa Isyarat bagi Orang Kurang Upaya (OKU) Kategori Masalah Pendengaran. *Akademika (Special Issue)*, 90(1), 52–53.
- Nik Hassan Seman, Mustafa Che Omar, Abdullah Yusoff & Mohd Yusof Abdullah. 2016. Analisis Permasalahan Pelajar Cacat Pendengaran Dalam Pembelajaran Mata Pelajaran Pendidikan Islam Di Malaysia. *Jurnal Ilmi*, 1(1).
- Norakyairree Mohd Raus & Nurutthoilah Mohd Nabil. 2017. Model Dan Kurikulum Pendidikan Al-Qur'an Holistik bagi OKU. *Journal of Qur'an Sunnah Education and Special Needs*, 1(1), 1-15.
- NorFatimah Amlin, Azman Ab Rahman, Mohamad Anwar Zakaria & Mursyid Junaidi Mohd Faisal Yeap. 2020. Munakahat Issues Among People With Hearing Disability. *Journal of Qur'an Sunnah Education and Special Needs*, 4(1), 1–10.
- Norzihah Megat Mohd. Zainuddin, Halimah Badioze Zaman & Azlina Ahmad. 2009. Learning Science Using AR Book: A Preliminary Study on Visual Needs of Deaf Learners. In: Badioze Zaman H., Robinson P., Petrou M., Olivier P., Schröder H., Shih T.K. (eds) *Visual Informatics: Bridging Research and Practice*. IVIC 2009. Lecture Notes in Computer Science, vol 5857. Springer, Berlin, Heidelberg. https://doi.org/10.1007/978-3-642-05036-7_80

- Nurul Asiah Fasehah Muhamad and Siti Ramna Khamaruddin. 2020. Worship Learning Issue among the Deaf People in Malaysia. *International Journal of Civil Engineering and Technology*, 10(04), pp. 2329- 2339
<http://iaeme.com/Home/issue/IJCIET?Volume=10&Issue=3>
- O'Brien, D., & Kusters, A. 2017. Visual methods in Deaf Studies: Using photography and filmmaking in research with deaf people.
- Persekutuan Orang Pekak Malaysia. 2011. *Buku Bahasa Isyarat Malaysia Jilid 1*. Selangor: Percetakan Info Meditasi Sdn Bhd.
- Persekutuan Orang Pekak Malaysia. 2014. *Buku Bahasa Isyarat Malaysia Jilid 2*. Selangor: Percetakan Info Meditasi Sdn. Bhd.
- Peter K Crume, Amy Lederberg, Brenda Schick, Language and Reading Comprehension Abilities of Elementary School-Aged Deaf Children, *The Journal of Deaf Studies and Deaf Education*, Volume 26, Issue 1, January 2021, Pages 159–169, <https://doi.org/10.1093/deafed/enaa033>.
- Saleena Yahya Isa. 2004. Against All Odds. Pulau Pinang: Federation School for the Deaf.
- Siti Muhibah Nor. 2010. Kesukaran Pemahaman murid – murid bermasalah pendengaran terhadap mata pelajaran pendidikan Islam. Prosedings First Annual Inclusive Education Practices Conference. 122 – 130.
- Shirin D Antia, Amy R Lederberg, Susan Easterbrooks, Brenda Schick, Lee Branum-Martin, Carol M Connor, Mi-Young Webb, Language and Reading Progress of Young Deaf and Hard-of-Hearing Children, *The Journal of Deaf Studies and Deaf Education*, Volume 25, Issue 3, July 2020, Pages 334–350, <https://doi.org/10.1093/deafed/enz050>
- Siti Ramna Khamaruddin, Nurul Asiah Fasehah Muhamad, Norakyairee Mohd Raus, Adnan Mohamed Yusoff, Mahyuddin Hashim, Noornajihan Ja'afar & Mohd Nur Adzam Rasdi. 2018. Analisis Keperluan Pembangunan Bahasa Isyarat Malaysia bagi Terminologi *'Ibādah*. *International Journal for Studies on Children, Women, Elderly And Disabled (IJSCWED)*, Vol. 4, (June), 63-68.
- Siti Ramna Khamaruddin, Nurul Asiah Fasehah Muhamad, Norakyairee Mohd Raus, Adnan Mohamed Yusoff, Mahyuddin Hashim, Noornajihan Ja'afar & Mohd Nur Adzam Rasdi. 2020. Penilaian Bahasa Isyarat Baharu untuk Pengajaran dan Pembelajaran Solat bagi Orang Pekak. *Jurnal Ulum Islamiyyah*, Vol. 32, (December), 94-132.
- Syar Meeze Mohd Rashid. 2015. Reka bentuk kurikulum Bahasa Isyarat Malaysia (BIM) untuk golongan pekak bagi Perkara Asas Fardhu Ain (PAFA). (Doctoral dissertation, University of Malaya).
- Syar Meeze Mohd Rashid, Nazean Jomhari, Yakub Zulkifli Mohd Yusof & Zahiah Haris. 2014. Kepentingan Bahasa Isyarat Malaysia (BIM) dalam pengajaran perkara asas fardhu ain (PAFA) terhadap komuniti pekak. *JuKu: Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 2(4), 27-33.
- Syar Meeze Mohd Rashid, Norlidah Alias & Zawawi Ismail. 2017^a. Isu dan Cabaran Dalam Penggunaan Bahasa Isyarat Malaysia (BIM) untuk Pengajaran Perkara Asas Fardhu Ain (PAFA). *Journal of Qur'ān Sunnah Education and Special Needs*, 1(1).
- Syar Meeze Mohd Rashid, Mohd Hanafi Mohd Yasin & Noraidah Sahari @ Ashaari. 2017^b. Penggunaan Bahasa Isyarat Malaysia (BIM) di dalam Terjemahan Maksud Sūrah Al-Fatihah (Use of Malaysia Sign Language (BIM) Inside Translation of Sūrah Al-Fatihah). *GEMA Online® Journal of Language Studies*, 17(4), 209–224.
<https://doi.org/10.17576/gema-2017-1704-14>
- Syar Meeze Mohd Rashid. 2017. Kemahiran Asas Serta Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Al-Qur'ān Kepada Golongan Istimewa. *Journal of Qur'ān Sunnah Education and Special Needs*, 1(1), 1-12.

Wilbur, R. B. 2013. Changing how we think about sign language, geesture, and agreement. *Sign Language and Linguistics*, 16(2), 221-258.